

Webinar

Taklimat / Bengkel STS CKHT dan MyTax

24 Februari 2025 (Isnin)
2:30 petang hingga 4:30 petang

Klik untuk daftar

Bengkel ini adalah hasil usaha sama antara *Bar Council Conveyancing Practice Committee* ("CPC") dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ("LHDNM") yang bertujuan untuk memberi pemahaman mendalam mengenai Sistem Taksir Sendiri Cukai Keuntungan Harta Tanah ("STS CKHT") melalui portal MyTax. Bengkel ini akan membincangkan prosedur pengemukaan Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah ("BNCKHT") melalui e-CKHT selaras dengan pelaksanaan STS CKHT dan menyediakan ruang untuk sesi soal jawab bagi membantu peserta menangani isu dan cabaran berkaitan STS CKHT.

Atur Cara

2:30 petang	Taklimat berkenaan STS CKHT dan Pengemukaan BNCKHT melalui e-CKHT
4:00 petang	Sesi Soal Jawab
4:30 petang	Bersurai

Penceramah

Puan Nor Asmariah bt Masrom, Pengarah Seksyen, Jabatan Operasi Setem dan CKHT, LHDNM

Puan Nor Asmariah bt Masrom memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memulakan kerjayanya di LHDNM pada tahun 2002 dengan tugas di cawangan Cheras dalam Unit Pungutan. Antara tahun 2003 hingga 2005, beliau berkhidmat di cawangan Taiping dalam Unit Audit Perniagaan. Dari tahun 2005 hingga 2024, beliau berkhidmat di cawangan Pembayar Cukai Besar, dalam Unit Audit Luar Syarikat, Unit Audit Luar Pemaju, dan Seksyen CKHT. Pada tahun 2025, beliau dilantik ke jawatan Pengarah Seksyen di Jabatan Operasi Setem dan CKHT.



Moderator



Alyssa Ng Marn-Ling
Ahli CPC

Pendaftaran adalah percuma. Tempat adalah terhad dan tertakluk kepada "siapa cepat dia dapat". Pendaftaran akan ditutup pada **12:00 tengah hari, 19 Februari 2025 (Rabu)**.

Tiada pendaftaran tambahan akan diterima selepas tarikh tutup penyertaan, atau sekiranya penyertaan bengkel telah penuh.

Untuk pertanyaan, sila emel:
conveyancing@malaysianbar.org.my



Anjuran bersama oleh
Bar Council Conveyancing Practice Committee ("CPC")
dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ("LHDNM")